



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PERTANDINGAN *ROBOTIC LEGO EDUCATION  
SPACE CHALLENGE* PERINGKAT KEBANGSAAN**

**DEWAN SRI SIANTAN  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

**21 FEBRUARI 2017 (SELASA)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**(Salutasi dibekalkan oleh pihak penganjur)**

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera dan Salam Wilayahku Ceria**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya dapat kita semua berkumpul bersama-sama pada petang ini untuk menjayakan Pertandingan *Robotic Lego Education Space Challenge* Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran pertandingan pada hari ini. Sesungguhnya, komitmen dan kerjasama anda amat saya hargai.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Penganjuran pertandingan ini bertujuan untuk menguji kebijaksanaan dan kreativiti pelajar. Selain itu, penganjuran pertandingan ini juga merupakan salah satu strategi meningkatkan penyertaaan pelajar menerusi Program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang ini. Ini kerana menerusi Pertandingan *Robotic Lego Education Space Challenge* Peringkat Kebangsaan dapat dijadikan sebagai landasan ke arah membina kemahiran berfikir secara kreatif pelajar serta

menggalakkan pelajar kita untuk sentiasa memiliki daya cipta terhadap sesuatu.

4. Untuk makluman, penganjuran program ini merupakan pertama kali diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang ke-13. Ini juga merupakan program kedua Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 yang menyasarkan pelajar-pelajar sekolah dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang *robotic* bagi kepentingan masa depan negara. Selain itu, melalui pertandingan seumpama ini juga dapat mengukuhkan integrasi dan perpaduan antara murid daripada pelbagai kaum, budaya dan agama khususnya di Wilayah Persekutuan ini.
5. Program ini telah dilaksanakan secara kerjasama strategik antara Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Persatuan Robotik Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya, Sasbadi Holdings Berhad, Universiti Kuala Lumpur dan Biro Pendidikan UMNO Putrajaya.
6. Kementerian Wilayah Persekutuan amat yakin dengan kerjasama erat daripada semua pihak ini akan dapat menyumbang kepada pertambahan jumlah pelajar yang meminati bidang robotik, sains dan teknologi. Di samping itu dengan sokongan serta kerjasama ini mampu meningkatkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan khusus pelajar-pelajar melalui pengisian aktiviti kreatif dan inovatif.

7. Saya difahamkan pertandingan pada ini telah menerima penyertaan sebanyak 134 pasukan dari sekolah menengah dan 69 pasukan dari sekolah rendah. Di mana Putrajaya telah menghantar sebanyak 56 pasukan dan merupakan pasukan yang tertinggi diikuti oleh Melaka iaitu sebanyak 39 pasukan. Saya juga difahamkan pada hari ini satu lagi rekod bakal direalisasikan dalam ***The Malaysia Book of Records*** menerusi Penyertaan Terbanyak. Tahniah dan syabas kepada pihak pengajur serta pelajar-pelajar kita yang mengambil bahagian pada hari ini.
8. Aktiviti bermanfaat seperti ini juga bukan sahaja dapat memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan malah dapat mengeratkan silaturrahim, dan mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bersatu bersesuaian dengan slogan '**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**'. Semoga apa jua yang direncanakan pada hari ini, dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sesungguhnya ia adalah tanda sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

9. Setiap tahun tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan

sejak tahun 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-13.

10. Kementerian juga mengekalkan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan sama seperti pada tahun lepas iaitu "**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**". Saya yakin bahawa tema "**Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera**" bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan.
11. Sebanyak 45 program diatur sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 yang berlangsung sepanjang bulan Februari. Keistimewaan sambutan pada tahun ini adalah Kementerian banyak memperkenalkan program-program baru yang berimpak tinggi. Program-program yang disusun turut melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Pastinya program pada tahun ini lebih meriah dan ceria.
12. Semoga dengan penglibatan dan penajaan daripada semua pihak dapat memupuk semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan ke arah pembentukan suatu koloni masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan cerdas mindanya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;**

13. Harapan saya agar kerjasama sebegini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan dapat dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.
14. Sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Pertandingan *Robotic Lego Education Space Challenge* Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017.
15. Adalah diharapkan kesemua program yang diaturkan ini diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk sama-sama merasai kemeriahan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
16. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan **WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.** Sekian, terima kasih.